

Jambatan rosak: Kerajaan negeri tidak beri perhatian

KLANG 17 Okt. - Lebih 500 penduduk berdepan kesukaran apabila jambatan yang merupakan jalan masuk utama ke Kampung Batu 5, Kapar rosak teruk akibat fenomena air pasang besar sejak dua hari lalu.

Jambatan kayu berusia 10 tahun itu difahamkan rosak sejak empat bulan lalu, namun tidak dibaiki dan kini terjejas sehingga tidak boleh digunakan lagi.

Sebelum ini jambatan kayu itu hanya boleh digunakan oleh sebuah kenderaan pada satu-satu masa kerana sebahagiannya sudah reput.

Keadaan menjadi lebih buruk apabila arus deras pukul 5 pagi ini menyebabkan jambatan itu musnah teruk dan tidak boleh digunakan lagi.

Seorang penduduk, Halim Bahar, 38, berkata, keadaan itu menyukarkan penduduk untuk keluar dan

masuk kampung bagi menyelamatkan diri ketika kecemasan terutama ketika air pasang besar.

“Bayangkan bagaimana anggota penyelamat hendak menyelamatkan penduduk kerana ini adalah jalan utama. Meskipun ada laluan lain berdekatan, namun jalan itu kecil dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan penyelamat yang besar.

“Perkara ini telah dibangkitkan oleh kesemua penduduk kepada pihak berkuasa dan kerajaan negeri, namun tidak ada tindakan lanjut. Tidak ada pihak yang baik pulih jambatan itu sehingga kami terpaksa berdepan kesusahan akibat air pasang,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Halim berkata, wakil kerajaan negeri hanya datang dan mengambil gambar, namun permintaan penduduk untuk meng-

gantian jambatan itu yang daif tidak mendapat perhatian.

Seorang lagi penduduk, Hamidah Mohd. Yusof, 38, mahu kerajaan negeri mengambil tindakan segera dan menyifatkan kesusahan penduduk ibarat sudah jatuh ditimpa tangga.

“Sudahlah berdepan dengan bencana air pasang besar, jambatan yang daif kini tidak boleh digunakan lagi. Malah, ada juga kanak-kanak yang pernah jatuh ke dalam parit sedalam tiga meter itu,” ujarnya.

Hamidah menambah, orang ramai yang masuk ke kampung itu juga berdepan dengan risiko tidak diingini kerana tidak mahir menggunakan laluan itu.

“Penduduk kampung mungkin tahu selok belok untuk melalui laluan jambatan itu, namun masyarakat luar tidak,” katanya.



JAMBATAN Jalan Kebun Baru rosak teruk akibat fenomena air pasang besar di Kampung Batu 5, Jalan Kapar, Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/IZHAM JAAFAR